



#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

33
Hari

13
Jam

26
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

NASIONAL

KES

POLITIK


PENDIDIKAN

WILAYAH

12,000 guru KEMAS diharap jadi penerima awal vaksin COVID-19

Oleh [Mohamed Farid Noh](#) - Februari 25, 2021 @ 2:12pm

farid_noh@bh.com.my



KOTA TINGGI: Kira-kira 12,000 guru taman bimbingan kanak-kanak (TABIKA) dan taman asuhan kanak-kanak (TASKA) bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), diharap akan menjadi penerima awal vaksin COVID-19 menjelang pembukaan semula institusi itu pada 1 Mac depan.

Timbalan Menteri 1 Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad, langkah itu penting untuk mengurangkan risiko jangkitan wabak berkenaan terhadap 200,000 murid TABIKA dan TASKA KEMAS.

"Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) akan membawa isu ini (guru KEMAS menerima vaksin dalam fasa pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan) kepada Kabinet untuk diputuskan segera.

"Kementerian berpandangan isu ini juga perlu menjadi keutamaan kerana ia membabitkan 7,000 kelas serta 200,000 murid TABIKA dan TASKA KEMAS seluruh negara.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 7m [Genting rugi lebih RM1 bilion tahun lalu](#)
- 11m [Maritim Malaysia selamatkan lima pemancing](#)
- 28m [Dolar AS naik mendadak, ringgit dibuka rendah](#)
- 42m [Doktor gigi usaha projek tanaman terung mini](#)
- 53m [Vaksin Pfizer boleh disimpan pada suhu biasa peti beku farmaseutikal - FDA](#)
- 1h [Lima termasuk dua kanak-kanak sesat ditemui selamat](#)
- 1h [Penggiat seni budaya perlu manfaat teknologi digital](#)
- 2h [Dier sangkal dakwaan Mourinho](#)

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [11,430 TABIKA, TASKA KEMAS](#)

dibuka 1 Julai

- **Lelaki digalakkan jadi guru TABIKA**
- **Sasar guru Tabika KEMAS miliki ijazah**
- **COVID-19: 139 TABIKA, TASKA KEMAS di Kedah ditutup**

"Guru KEMAS adalah golongan barisan hadapan kerana mendidik dan mengajar kanak-kanak seawal usia empat hingga enam tahun, justeru mereka perlu turut diutamakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis prapelancongan sambutan Jubli Emas Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) di Bangunan KEJORA, Bandar Penawar, di sini, hari ini.

Media sebelum ini melaporkan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) akan memastikan kira-kira 55,000 guru menerima suntikan vaksin sebelum sesi persekolahan dibuka semula pada 1 Mac ini.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, dipetik berkata Kementerian Pendidikan sudah menyerahkan senarai guru berkenaan kepada JKJAV.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, KEJORA diharap melaksanakan program khas dan bermakna sempena sambutan Jubli Emas supaya kejayaan agensi berkenaan tersebar luas serta diketahui umum.

"Banyak kejayaan dicapai KEJORA sepanjang tempoh penubuhannya dalam membangunkan kawasan dan penduduk di kawasan Tenggara Johor," katanya.



Abdul Rahman (kanan) menerima logo sambutan Jubli Emas KEJORA daripada Pengurus Besar KEJORA, A Jalil Md Arsad (kiri) sambil diperhatikan Pengerusi KEJORA, Datuk Che Zakaria Mohd Salleh. - NSTP/ZAIN AHMED

VAKSIN



AMERIKA sejam yang lepas

Vaksin Pfizer boleh disimpan pada suhu biasa peti beku farmaseutikal - FDA



NASIONAL 10 jam yang lepas

Vaksin COVID-19: Ibu mengandung patut dapat nasihat pakar



NASIONAL 11 jam yang lepas

Maklumat tidak sahih disebarkan pengguna media sosial



NASIONAL 11 jam yang lepas

Ulama antarabangsa bincang fatwa berkaitan COVID-19



NASIONAL Feb 25, 2021 @ 9:40pm

PM sihat, tiada alami gejala selepas terima vaksin



NASIONAL Feb 25, 2021 @ 4:48pm

Keberkesanan vaksin Sinovac keluaran China diketahui menerusi data akhir

TRENDING




ASEAN 12 jam yang lepas

Dua renjer maut dalam serangan



NASIONAL Feb 25, 2021 @ 9:40pm

PM sihat, tiada alami gejala selepas terima vaksin



ASEAN Feb 25, 2021 @ 7:06pm

Burung Murai berkulit hitam muncul selepas 170 tahun



NASIONAL Dis 5, 2020 @ 5:29pm


Orang ramai boleh rentas negeri mulai Isnin ini



NASIONAL Apr 19, 2020 @ 2:28pm

Daftar kelahiran, kematian dilanjutkan sehingga 90 hari selepas PKP - Ismail Sabri

BERITA BERKAITAN





NASIONAL Okt 3, 2020 @ 2:19pm
TABIKA, TASKA KEMAS di zon merah COVID-19 ditutup



NASIONAL Jul 23, 2019 @ 3:55pm
Isu pembekalan buku aktiviti Tabika KEMAS dijangka selesai September



NASIONAL Feb 24, 2021 @ 4:10pm
55,000 guru terima vaksin sebelum sekolah dibuka



NASIONAL Jul 1, 2020 @ 6:51pm
KPLB peruntukkan RM6 juta cegah COVID-19 di TABIKA, TASKA KEMAS



IKUTI KAMI DI:



BERITA

[BHPLUS](#)

[Nasional](#)

[Kes](#)

[Politik](#)

[Pendidikan](#)

[Wilayah](#)

SUKAN

[DUNIA](#)

[HIBURAN](#)

[BISNES](#)

[RENCANA](#)

[WANITA](#)

[HUJUNG MINGGU](#)

MULTIMEDIA

[Foto](#)

[BHTV](#)

[Infografik](#)

LANGGAN

[Akhbar Digital](#)

[Akhbar BH](#)

PERKHIDMATAN

[Iklan Web](#)

[1Klassifieds](#)

[NSTP KLiK](#)